
Wukuf

29 Disember

MAKKAH: Tarikh berwukuf di padang Arafah ditetapkan pada Jumaat, 29 Disember.

Majlis Tertinggi Kehakiman Arab Saudi membuat pengisytiharan itu kelmarin dan disiarkan akhbar tempatan semalam. Ini bermakna hari wukuf tinggal lagi lapan hari dan Aidiladha di Tanah Suci disambut pada Sabtu, 30 Disember.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Dr Azmi Ahmad, berkata jemaah haji Malaysia di Tanah Suci akan bergerak secara berperingkat ke padang Arafah selepas solat Zuhur pada Khamis.

Semua jemaah haji Malaysia dijangka tiba di padang Arafah selewat-lewatnya jam 10.30 malam hari itu. – Bernama